

JAWATAN : PEMBANTU PENGUATKUASA – KP19

Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Skim Perkhidmatan : Pembantu Penguatkuasa
Taraf Jawatan : Tetap

Jadual Gaji KP19 : Min : RM 1,360.00 - Max : RM 4,052.00
(Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 100.00)

Elaun : Imbuan Tetap Khidmat Awam RM 115.00
Imbuan Tetap Perumahan RM 300.00
Bantuan Sara hidup RM 150.00

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,360.00); atau

- (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat konstabel atau prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta diijil kemahiran malaysia tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,416.40) ; atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta diijil kemahiran malaysia tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,472.80) ; atau

- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Syarat Kelayakan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.